

03 MAY 1996

Anwar-Penggiliran

TIDAK ADA ROMBAKAN BESAR KABINET SABAH, KATA ANWAR

KOTA KINABALU, 3 Mei (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata penggiliran jawatan Ketua Menteri di Sabah tidak membabitkan rombakan yang besar dalam kabinet negeri.

Beliau berkata walaupun rombakan kabinet terpaksa dilakukan, beliau tidak nampak ia akan dibuat secara besar-besaran.

"Perundingan yang teratur dengan Ketua Menteri yang baru akan dilakukan," katanya pada persidangan berita selepas menemui para pemimpin Umno dan Barisan Nasional (BN) secara berasingan di sini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengumumkan di Melaka bahawa Presiden Parti Maju Sabah (SAPP) Datuk Yong Teck Lee dilantik sebagai Ketua Menteri Sabah baru bagi mengisi kekosongan berikutan keputusan Datuk Salleh Said Keruak meletakkan jawatan.

Difahamkan bahawa satu daripada tiga menteri kabinet yang diperuntukkan kepada SAPP akan diberi kepada Umno.

Jika ini berlaku, Umno akan memiliki lima kerusi menteri berbanding empat yang ada sekarang termasuk Ketua Menteri.

Anwar berkata cadangan meminda undang-undang negeri itu, yang bertujuan mengurangkan kuasa Ketua Menteri, akan diteruskan selepas perlantikan Ketua Menteri baru seperti yang dijadualkan pada 17 dan 18 Jun.

Cadangan pindaan undang-undang itu sepatutnya dibentangkan pada persidangan Dewan Undangan Negeri pada 25 dan 26 Mac lepas tetapi terpaksa ditangguhkan apabila ramai daripada anggota Dewan meminta waktu untuk mengkaji cadangan itu.

Lima undang-undang berkenaan ialah Enakmen Hutan 1968, Ordinan Tanah Bab 69, Ordinan Perlombongan 1960, Enakmen Yayasan Sabah 1966 dan Enakmen Perwakilan Kuasa 1963.

Anwar berkata dalam pertemuan dengan para pemimpin BN, beliau telah menjelaskan lebih lanjut mengenai keputusan Dr Mahathir meneruskan hasratnya untuk menggilirkan jawatan Ketua Menteri Sabah.

Dua hari lepas, Dr Mahathir berkata cadangan menggilirkan jawatan Ketua Menteri akan diteruskan tanpa perlu menunggu kelulusan pindaan undang-undang negeri itu pada persidangan Dewan akan datang.

Cadangan untuk menggilirkan jawatan Ketua Menteri Sabah di kalangan tiga masyarakat utama negeri ini -- bumiputera Islam, bumiputera bukan Islam dan Cina, dibuat oleh Dr Mahathir menjelang pilihan raya negeri Februari 1994.

Bagaimanapun BN tewas dalam pilihan raya itu kepada Parti Bersatu Sabah (PBS) dan hanya memegang tampuk pemerintahan kira-kira sebulan kemudian apabila beberapa anggota PBS menyertai BN.

Yang DiPertua Negeri, Tan Sri Sakaran Dandai, yang pada ketika itu Pengerusi BN Sabah dilantik sebagai Ketua Menteri dan melepaskan jawatannya pada Disember 1994 untuk memberi laluan kepada Datuk Mohd Salleh Said Keruak.

Dr Mahathir bagaimanapun melanjutkan tempoh jawatan Salleh yang sepatutnya tamat pada 17 Mac lepas, sehingga pindaan dibuat terhadap undang-undang negeri untuk mengurangkan kuasa Ketua Menteri, yang dikatakan terlalu kuat berbanding negeri-negeri lain.

Dalam mesyuarat itu, Anwar berkata beliau mendengar banyak pandangan daripada para pemimpin BN dan mereka akur terhadap keputusan yang telah dibuat pucuk pimpinan.

"Saya menjelaskan bahawa yang penting ialah kita mahu melihat BN terus

memerintah dan semangat ini harus dipertahankan," katanya.

Anwar berkata tidak harus wujud kebimbangan secara berlebihan bahawa kepentingan Umno dan bumiputera akan terjejas berikutan keputusan menggilirkan jawatan Ketua Menteri.

Beliau memberi jaminan bahawa soal ketidakadilan tidak timbul kerana pemimpin yang akan mengambil alih adalah juga pemimpin BN yang harus akur dengan konsep BN.

Anwar berkata beliau tidak begitu bimbang dengan masa depan Sabah walaupun keputusan penggiliran telah dibuat kerana yakin dengan kebijaksanaan pemimpin-pemimpin parti-parti komponen BN negeri ini.

Ini dapat dilihat dengan kejayaan para pemimpin BN Sabah beberapa tahun kebelakangan ini dan iltizam mereka untuk terus membangunkan Sabah, katanya. -- BERNAMA

OPP NAK